

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL
KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status penghantaran pelajar baharu MARA ke luar negara untuk tahun 2020 dan nyatakan jumlah pelajar mengikut negara yang terlibat serta bidang pengajian khususnya dalam situasi pandemik COVID-19 di seluruh dunia.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Setakat 30 September 2020, bilangan keseluruhan pelajar baharu yang ditaja pengajian ke luar negara adalah seramai 655 orang pelajar di 16 buah negara seluruh dunia di dalam bidang Kejuruteraan, Perniagaan, IT, *Food Security*, Perakaunan dan Sains Komputer. Senarai pecahan mengikut negara adalah seperti berikut:

1. Australia – 97 orang pelajar
2. Canada – 8 orang pelajar
3. Czech Republic – 23 orang pelajar
4. France – 18 orang pelajar
5. Japan – 1 orang pelajar
6. Korea – 2 orang pelajar
7. Netherlands – 4 orang pelajar
8. New Zealand – 15 orang pelajar
9. Poland – 2 orang pelajar
10. Portugal – 1 orang pelajar
11. Republic of Ireland – 70 orang pelajar
12. Spain – 7 orang pelajar
13. Switzerland – 1 orang pelajar
14. United Kingdom – 329 orang pelajar
15. United States of America – 13 orang pelajar
16. West Germany – 64 orang pelajar

Manakala, jumlah keseluruhan pelajar yang ditaja pengajian ke luar negara adalah seramai 4,961 orang pelajar.